

MAHATHIR-SISWA * * *

1985

PULAU PINANG, 15 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA NEGARA MEMERLUKAN MASYARAKAT MAHASISWA YANG BUKAN SAHAJA MEMENTINGKAN ILMU PENGETAHUAN MALAH TURUT MEMENTINGKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT.

KATANYA SIKAP EKSTRIM SEPERTI HANYA MENUMPU KEPADA PELAJARAN ATAU MEMASUKI UNIVERSITI DENGAN TUJUAN MENGEJAR STATUS DAN KEPENTINGAN DIRI SENDIRI TIDAK DIPERLUKAN DALAM NEGARA YANG MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA.

PERDANA MENTERI BERKATA GOLONGAN PELAJAR YANG MENGEJAR ILMU PENGETAHUAN SEMATA-MATA MENDAPATI PENDEKATAN MEREKA DENGAN MASYARAKAT KELAK SUKAR DITERIMA OLEH RAKYAT BIASA, KERANA TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH MEREKA BEGITU AKADEMIK.

SEMENTARA GOLONGAN YANG MENGEJAR STATUS PULA AKAN MENGALAMI NASIB YANG SAMA APABILA RAKYAT TURUT MENOLAK MEREKA KERANA SEDAR TINDAKAN-TINDAKAN YANG DILAKUKAN BUKAN UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT TETAPI KEPENTINGAN DIRI SENDIRI, KATANYA KETIKA MERASMIKAN KHEMAH KESEDARAN KEPIMPINAN PERSATUAN MAHASISWA UNIVERSITI SAINS MALAYSIA DI SINI HARI INI.

+DENGAN ITU, APA YANG DIKEHENDAKI DI KALANGAN MASYARAKAT UNIVERSITI SEKARANG IALAH KESEDERHANAAN YANG MAMPU MENIMBA SEBERAPA BANYAK ILMU DI DADA DI SAMPING MENGAMBIL KIRA PERKEMBANGAN SEKELILING SERTA MASALAH DAN PENDIRIAN MASYARAKAT UNTUK DIBENTUK DAN DIBAIKI KEMUDIAN,+ TEGASNYA. -- LAGI
1427MST 15 03 85

D850

U B351 AAB

MAHATHIR-SISWA 2 PULAU PINANG

+GOLONGAN INILAH YANG KITA IDAM-IDAMKAN DAN HARAPKAN BUKAN SAHAJA LENGKAP ILMU DI DADA BAHKAN SEDAR AKAN MASALAH SERTA KURANGAN RAKYAT. PENGETAHUAN MEREKA YANG MENVELURUH ITU SUDAH TENTU MEMBAWA MASYARAKAT LEBIH BAHAGIA,+ KATANYA.

DELIAU MENGUTIP PARA PAKAR YANG OLEH KERANA DALAM ZAMAN UNIVERSITINYA TERLALU MENGEJAR PELAJARAN APABILA DIMINTA MEMBUAT SESUATU KAJIAN, MAKA PERAKUAN MEREKA BEGITU AKADEMIK SEHINGGAKAN TIDAK MEMASUKKAN MASALAH PSIKOLOGI ORANG YANG DIKAJI, SEBAGAI SATU CONTOH.

+KITA DAPATI PERNAH BERLAKU KEJADIAN APABILA PAKAR-PAKAR MENGEMUKAKAN PERAKUAN YANG TELAH PUN DIKETAHUI UMUM SEBAB MUSABABNYA SEPERTI KELUASAN TANAH YANG KECIL TIDAK EKONOMIK, TETAPI TIDAK DAPAT MEMBUAT PERAKUAN BAGAIMANAKAH SIKAP RAKYAT TERBABIT BOLEH DIUBAH SUPAYA MAHU MENERTIMA PERUBAHAN.

+KESILAPAN SEUMPAMA ITU BOLEH DIELAKKAN SEKIRANYA DARI ZAMAN PELAJAR LAGI MEREKA TELAH INSAF AKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT DI SAMPING BERUSAHA MENDAPATKAN ILMU DENGAN SEDALAM-DALAMNYA,+ KATANYA. -- LAGI.
1437MST 15 03 85

U B352 AAB

MAHATHIR-SISWA 3 PULAU PINANG

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA KERAJAAN MENYEDARI HASRAT BEBERAPA PIHAK YANG INGIN AKAN PERUBAHAN DIBUAT PADA SATU-SATU SISTEM YANG ADA DI NEGARA INI.

DALAM MEMBUAT SESUATU PERUBAHAN, KERAJAAN SENTIASA MEMENTINGKAN KEAMANAN DAN KETENTERAMAN KEPADA RAKYAT SUPAYA PEMBANGUNAN YANG DIRANCANGKAN DAPAT BERJALAN DENGAN LANCAR DAN LICIN SERTA TIDAK MENIMBULKAN HURU-HARA, TEGASNYA.

WALAUPUN KETENTERAMAN DAN KEAMANAN ADALAH AMAT PERLU, TETAPI INI TIDAK PULA BERMAKNA KERAJAAN TIDAK INGIN AKAN SUARA-SUARA KRITIK MEMBINA UNTUK MEMPERBETULKAN SEBARANG KESILAPAN JIKA DILAKUKAN OLEH KERAJAAN, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

+KERAJAAN INGIN RAKYAT BERSEDIA MEMBUAT TENTANGAN TERHADAP MANA-MANA YANG TIDAK BAIK TERMASUK JUGA KEPIMPINAN YANG BOLEH MEROSAKKAN NEGARA YANG TERDAPAT DALAM KERAJAAN,+ KATANYA.-- LAGI

1443MST 15 03 85
0852

U B353 AAB

MAHATHIR-SISWA 4 PULAU PINANG

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU MENASIHATI RAKYAT AGAR MEMASTIKAN SETIAP TEGURAN DIBUAT SETELAH DITIMBANG BAIK BURUKNYA KERANA LEBIH BAIKLAH DITUNGGU KEPASTIAN SESUATU PERKARA SEBELUM BERTINDAK.

KATANYA PIHAK-PIHAK TERTENTU JUGA PERLU MEMBAIKI KELEMAHAN DIRI SENDIRI DARIPADA MENUDUHI SISTEM YANG DIANUTI DI NEGARA INI LEMAH DAN UNTUK MENJAMIN KEPENTINGAN DIRI SENDIRI, MENDESAK SUPAYA SISTEM ITU DITUKAR.

PERDANA MENTERI YANG DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH ALI TIBA DI SINI DARI PERLIS DAN SELEPAS PERASMIAN ITU BERLEPAS BALIK KE IBU NEGARA. -- BERNAMA.

1443MST 15 03 85